

28 NOV 1998

RTM-Siaran

RTM MUNGKIN PENDEKKAN WAKTU SIARAN TV

KUALA LUMPUR, 28 Nov (Bernama) -- Radio Televisyen Malaysia (RTM) mungkin memendekkan waktu siaran TV1 dan TV2 dalam usaha menjimatkan kos operasinya, kata Timbalan Menteri Penerangan Datuk Suleiman Mohamed hari ini.

Beliau berkata dengan memendekkan waktu siarannya, RTM dijangka dapat menjimatkan kos sebanyak RM30 juta setahun.

Sekiranya dilaksanakan, ia mungkin dilakukan seawal-awalnya Januari tahun depan, katanya kepada pemberita selepas merasmikan sambutan Hari Kualiti Jabatan Penerangan di sini.

Katanya dengan memendekkan waktu siaran, RTM boleh mengurangkan tayangan slot-slot yang tidak mempunyai penaja dan kurang menguntungkan.

Sulaiman berkata, waktu siaran RTM mungkin akan kembali kepada asal, iaitu bermula pada pukul 2.30 petang dan berakhir pada pukul 12 malam setiap Isnin hingga Khamis.

Pada hari Jumaat, Sabtu dan Ahad pula, kedua-dua siaran itu akan bermula pada pukul 7 pagi hingga tamat siaran.

Siaran kedua-dua rangkaian televisyen itu kini bermula pada pukul 7 pagi setiap hari dan tamat sekitar tengah malam.

Stesen televisyen swasta, TV3, sebelum ini telah mengumumkan langkahnya memendekkan waktu siarannya mulai 1 Dis ini bagi menjimatkan kos.

Sementara itu, Suleiman mengakui menerima banyak aduan daripada penonton yang tidak berpuashati dengan tindakan RTM memotong banyak babak dalam filem-filem seniman Tan Sri P.Ramlee yang ditayangkan menerusi saluran TV1, sehingga menjejaskan jalan cerita.

Beliau berkata, pihaknya akan memastikan tiada pemotongan yang tidak munasabah dilakukan bagi memberi kepuasan menonton kepada peminat filem-filem berkenaan.

Terdahulu itu, Suleiman menyampaikan Anugerah Kualiti kepada kakitangan Jabatan Penerangan dari seluruh negara serta melancarkan Buku Koleksi Ucapan Mahathir bagi pihak Menteri Penerangan Datuk Seri Mohamed Rahmat.

-- BERNAMA

WNZ AKD